



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE**

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur



Telefon : 03 – 4051 6009
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Ruj. Kami : PTPK.100-6/2/1 (14)

Tarikh : / Disember 2025

**Ketua Eksekutif/Pengarah/Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar Dengan PTPK**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN BERKAITAN PROSEDUR PENGAMBILAN PELATIH OLEH
PENYEDIA LATIHAN (PL)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) telah mengenal pasti beberapa isu yang menimbulkan kekeliruan di kalangan pelatih serta memberi kesan kepada imej dan prestasi keseluruhan proses pembiayaan pinjaman latihan kemahiran. Sehubungan itu, pihak Penyedia Latihan (PL) diminta untuk mengambil perhatian terhadap perkara-perkara seperti berikut:

- (i) terdapat PL yang membuat panggilan awal dan mengumpul pelatih sehingga mencapai kapasiti penuh sebelum membuat permohonan pinjaman kepada PTPK. Tindakan ini tidak selaras dengan prosedur yang ditetapkan;
- (ii) amalan tersebut turut mengundang persepsi negatif daripada pelatih terhadap PTPK, seolah-olah PTPK lewat memproses permohonan pinjaman, sedangkan hakikatnya permohonan hanya dikemukakan oleh PL selepas kapasiti pelatih dipenuhi;
- (iii) Persepsi negatif ini seterusnya menyumbang kepada prestasi bayaran balik yang rendah, kerana pelatih beranggapan PTPK menyebabkan kelewatan dan ini menjejaskan komitmen mereka terhadap bayaran balik.

3. Sehubungan itu, bagi memastikan kelancaran proses permohonan pinjaman Latihan kemahiran dan mengelakkan salah tanggapan di kalangan pelatih, semua PL **DIINGATKAN untuk mematuhi prosedur permohonan pembiayaan pinjaman latihan kemahiran**. Sebarang pelanggaran prosedur boleh menjejaskan kelulusan permohonan dan tindakan selanjutnya akan diambil jika perlu.


4. Kerjasama dan perhatian pihak PL amatlah dihargai bagi memastikan imej PTPK serta sistem pembiayaan pinjaman Latihan kemahiran dapat dipelihara dengan baik. Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Kesuma Bangsa"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia

s.k.: (i) **YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha



Kementerian Sumber Manusia,
Aras 6-12, Menara PERKESO Putrajaya,
No. 6, Persiaran Perdana, Presint 2,
62100 W.P.Putrajaya.

(ii) **Ketua Pengarah**
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Aras 7 & 8, Setia Perkasa 4,
Kompleks Setia Perkasa,
62530 W.P.Putrajaya.

(iii) **Ketua Pengarah**
Jabatan Tenaga Manusia
Aras 6, Setia Perkasa 4,
Kompleks Setia Perkasa,
62530 W.P.Putrajaya.